

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 23/10/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional / A36

Tajuk : Jalinan kerjasama penyelidikan ANGKASA, UKM

Jalinan kerjasama penyelidikan Angkasa, UKM

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) memeterai Memorandum Kerjasama Penyelidikan (MoA) untuk melaksanakan Kajian Kesedaran Anggota Koperasi Sekolah Terhadap Kepentingan Hutan dan Perubahan Iklim dalam tempoh dua tahun.

MoA yang ditandatangani Presiden Angkasa merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), Profesor Datuk Dr Wan Kamal Mujani, baru-baru ini.

Ia adalah jalinan kerjasama penyelidikan bagi meningkatkan kesedaran generasi muda khususnya terhadap isu perubahan iklim dan kepentingan melestarikan alam sekitar serta ekosistem hutan.

Kerjasama sepanjang dua tahun bermula Oktober

ini hingga September 2025 itu menjurus kepada penyelidikan dan kajian berkenaan kesedaran anggota koperasi sekolah terhadap kepentingan hutan dan perubahan iklim menerusi Program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok yang dilaksanakan Angkasa dan gerakan koperasi.

Ia juga adalah kesinambungan daripada kejayaan MoA yang ditandatangani Angkasa dengan UKM pada 2021 bagi melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial koperasi yang menyokong agenda Penghijauan Malaysia menerusi usaha pemuliharaan hutan terosot di Kompartmen 19, Hutan Simpan Sungai Lalang, Semenyih.

Dr Abdul Fattah berkata, koperasi adalah perusahaan sosial yang memenuhi keperluan anggota dan masyarakat umumnya mempunyai tanggungjawab



DR Abdul Fattah (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Dr Wan Kamal selepas majlis menandatangani MoA sambil diperhatikan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Angkasa, Datuk Abdullah Jusoh (kiri) dan Pengarah Institut Perubahan Iklim UKM, Prof Madya Dr Zaini Sakawi.

amat besar dan penting untuk pembangunan sosioekonomi.

Katanya, isu perubahan iklim ini bukan sahaja memberi kesan kepada persekitaran, malah memberi kesan kepada landskap ekonomi, sosial dan politik.

"Program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok ini adalah inisiatif Angkasa bertujuan

menanam sejuta pokok bagi menyokong agenda kerajaan menghijaukan negara melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang disasarkan kerajaan menjelang pada 2025.

"Kesungguhan Angkasa meneraju gerakan koperasi adalah komitmen kami dalam usaha menyokong agenda nasional Penghijauan Malaysia.

"Ia juga seiring dengan

inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG2030) dan Dekad Pemulihan Ekosistem atau United Nation (UN) Decade on Ecosystem Restoration 2021-2030," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Datuk Dr Wan Kamal Mujani berkata, perjanjian kerjasama ini amat bermakna buat UKM.

Menurutnya, sebagai universiti watan yang tersohor dalam bidang akademik, penyelidikan dan kerja kemasyarakatan, UKM perlu ke hadapan sebagai peneraju dalam menangani pelbagai isu semasa seperti kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar berkait dengan kajian yang bakal dijalankan.

"Justeru, kajian ini juga dilihat amat penting bagi menilai kesedaran generasi muda terhadap tanggungjawab mereka dalam menjaga alam sekitar melalui inisiatif penghijauan Malaysia yang dilancarkan kerajaan," katanya.

Kajian yang bakal dijalankan ini akan diketuai Profesor dan Felo Utama, Prof Dr Mohd Nizam Mohd Said bersama Institut Perubahan Iklim UKM akan meneruskan kerjasama dengan Angkasa bagi menajayakan program Koperasi Prihatin Sejuta Pokok supaya matlamat program terbabit dapat dicapai.